

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021**

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**Kertas 1**

**Satu jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan Kod Etika Profesion Perakaunan.

Akauntan haruslah bersikap profesional, berkemahiran dan berkeupayaan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Manakah yang berkaitan dengan kod etika tersebut?

- A Integriti
- B Objektiviti
- C Kerahsiaan
- D Kompetensi

- 2 Berikut merupakan ciri-ciri sebuah perniagaan.

- Bilangan ahli 2 hingga 50 orang
- Liabiliti pemilik adalah terhad
- Penyata kewangan perlu didedahkan kepada pemegang syer

Berdasarkan pernyataan, perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri tersebut?


- A Annur's Sdn Bhd
- B Ramzam Enterprise
- C Antasya Ain Berhad
- D Perkongsian Chenta Ghuyup

- 3 Item manakah yang dikelaskan sebagai aset semasa?

- I Bank
- II Lengkapan
- III Insurans Prabayar
- IV Sewa Belum Terperoleh

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 4 Carta berikut berkaitan dengan pembahagian lejar.



Apakah M dan N?

	M	N
A	Akaun Nyata	Akaun Nominal
B	Akaun Nominal	Akaun Nyata
C	Lejar Am	Lejar Subsidiari
D	Lejar Subsidiari	Lejar Am

- 5 Sesuatu akaun itu didebitkan atau dikreditkan bergantung kepada kesan urus niaga tersebut sama ada menyebabkan pertambahan atau pengurangan kepada akaun yang berkenaan.

Manakah menerangkan pernyataan di atas?

- A Bagi Liabiliti, Debit jika nilai liabiliti bertambah dan kredit jika nilai liabiliti berkurang
- B Bagi akaun Aset, Debit apabila nilai aset berkurang dan kredit apabila nilai aset bertambah
- C Bagi Hasil, Debit jika nilai hasil bertambah dan kredit jika nilai hasil berkurang
- D Bagi Ekuiti pemilik, Debit jika nilai Ekuiti pemilik berkurang dan Kredit jika nilai ekuiti pemilik bertambah
- 6 Sebuah pendingin hawa industri terpakai telah dijual dengan harga RM5 000 secara kredit. Harga asalnya ialah RM8 500. Apakah kesan urus niaga terhadap persamaan perakaunan?

	Lekapan	Akaun Belum Terima	Untung bersih
A	-8 500	+5 000	-3 500
B	+5 000	+5 000	+3 500
C	-5 000	+5 000	Tiada kesan
D	+8 500	-5 000	+3 500

- 7 Antara yang berikut, dokumen manakah yang akan menjadi dokumen sumber untuk Buku Tunai?
- I Invois Asal  
 II Resit Rasmi  
 III Keratan Cek  
 IV Nota Kredit
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 8 Dokumen di bawah menunjukkan urus niaga yang akan dicatat dalam Jurnal Am Perniagaan Barang Elektrik Ikhlas.

Asal		INVOIS		No:0021	
				Tarikh:12.3.2021	
		PERABOT MESRA SDN BHD			
		ARAU, PERLIS.			
Kepada:					
Perniagaan Barang Elektrik Ikhlas					
Kaki Bukit, Perlis.					
Kuantiti	Butir	Harga/unit	Jumlah		
1	Rak Pameran	RM400.00	400.00		
			400.00		
(Ringgit Malaysia: Empat ratus sahaja)					
Syarat : 5% 10 hari, 2% 20 hari					
K&K di K					
<i>Ani</i>		<i>Usop</i>			
Penerima		Pengurus			

Catatan dalam Jurnal Am manakah yang betul?

#### JURNAL AM

	BUTIR	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
A	Belian Perabot Mesra Sdn Bhd	400	400
B	Perabot Perabot Mesra Sdn Bhd	400	400
C	Perabot Mesra Sdn Bhd Belian	400	400
D	Perabot Mesra Sdn Bhd Perabot	400	400

- 9 Berikut merupakan petikan Akaun Belum Terima bagi Perniagaan AZ Trading yang menjual pakaian.

Akaun Belum Terima: Laila Enterprise

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2021			2021		
Julai 1	Baki b/b	2540	Julai 18	M	270
15	Jualan	2156	25	Bank	3882
20	Jualan	2056	31	Baki h/b	2600
		<u>6752</u>			<u>6752</u>
Ogos 1	Baki b/b	2600			

Apakah urus niaga yang tepat mewakili M?

- A Menghantar invoice kepada Laila Enterprise pada 18 Julai berjumlah RM270  
 B Menghantar bil tunai kepada Laila Enterprise pada 18 Julai berjumlah RM270  
 C Menghantar nota debit kepada Laila Enterprise pada 18 Julai berjumlah RM270  
 D Menghantar nota kredit kepada Laila Enterprise pada 18 Julai berjumlah RM270
- 10 Apakah item-item yang terlibat dalam komponen Kos Jualan dalam Akaun Perdagangan?
- I Jualan  
 II Belian  
 III Pulangan Masuk  
 IV Pulangan Keluar
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV

- 11 Petikan Imbangan Duga berikut menunjukkan hasil dan belanja diambil daripada Kedai Arina Enterprise pada 31 Julai 2021.

Kedai Arina Enterprise  
Imbangan Duga pada 31 Julai 2021 (Petikan)

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Diskaun	1 102	1 203
Komisen	699	996

Berdasarkan petikan Imbangan Duga di atas, catatan manakah yang benar ?

A

Kedai Arina Enterprise  
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021 (Petikan)

Hasil	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)
Diskaun Diterima		1102
Komisen Diterima		699
<b>Tolak Belanja</b>		
Diskaun Diberi	1203	
Komisen Dibayar	996	

B

Kedai Arina Enterprise  
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021 (Petikan)

Hasil	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)
Diskaun Diterima		1203
Komisen Diterima		996
<b>Tolak Belanja</b>		
Diskaun Diberi	1102	
Komisen Dibayar	699	

C

Kedai Arina Enterprise  
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021 (Petikan)

Hasil	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)
Diskaun Diberi		1102
Komisen Dibayar		699
<b>Tolak Belanja</b>		
Diskaun Diterima	1203	
Komisen Diterima	996	

D

Kedai Arina Enterprise  
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2021 (Petikan)

Hasil	Jumlah (RM)	Jumlah (RM)
Diskaun Diberi		1203
Komisen Dibayar		996
<b>Tolak Belanja</b>		
Diskaun Diterima	1102	
Komisen Diterima	699	

- 12 Insurans yang perlu dibayar oleh Butik Dina pada 31 Disember 2020 ialah RM600. Pada akhir tempoh perakaunan, perniagaan telah membayar RM900. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember.

Berdasarkan maklumat di atas, manakah yang benar?

A

Butik Dina  
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (Petikan)

<b>Aset Semasa</b>	Jumlah (RM)
Insurans Prabayar	600

B

Butik Dina  
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (Petikan)

<b>Aset Semasa</b>	Jumlah (RM)
Insurans Prabayar	300

C

Butik Dina  
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (Petikan)

<b>Liabiliti Semasa</b>	Jumlah (RM)
Insurans Prabayar	600

D

Butik Dina  
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (Petikan)

<b>Liabiliti Semasa</b>	Jumlah (RM)
Insurans Prabayar	300

- 13 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Anima. Imbangan Duga pada 31 Disember 2020.

Perniagaan Anima  
Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 (Petikan)

BUTIR	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)
Akaun Belum Terima	12 300	
Peruntukan Hutang Ragu		690

Maklumat tambahan:

- (i) Seorang pelanggan meninggal dunia, baki akaun RM550 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum direkodkan.  
(ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Manakah yang betul ?

A

Perniagaan Anima  
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (Petikan)

Hasil	Jumlah (RM)
Peruntukan Hutang Ragu	235
<b>Tolak Belanja</b>	
Hutang Lapuk	550

B

Perniagaan Anima  
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (Petikan)

Hasil	Jumlah (RM)
Peruntukan Hutang Ragu	246
<b>Tolak Belanja</b>	
Hutang Lapuk	550

C

Perniagaan Anima  
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (Petikan)

Hasil	Jumlah (RM)
Peruntukan Hutang Ragu	444
<b>Tolak Belanja</b>	
Hutang Lapuk	550

D

Perniagaan Anima  
Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 (Petikan)

Hasil	Jumlah (RM)
Peruntukan Hutang Ragu	455
<b>Tolak Belanja</b>	
Hutang Lapuk	550



- 14 Berikut adalah petikan Imbangan Duga bagi Perniagaan Madani pada 31 Julai 2021.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Lengkapan	12 500	
Simpanan Tetap	15 000	
Akaun Belum Terima	5 340	
Bank		2 280
Akaun Belum Bayar		3 380
Sewa Belum Terperoleh		550

**Maklumat tambahan:**

Inventori akhir pada harga kos ialah RM2 250 dan harga pasaran ialah RM2 570  
Berapakah modal kerja?

- A RM16 380  
B RM16 700  
C RM26 630  
D RM28 880
- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Tapaw. Tempoh perakaunan berakhir 31 Ogos 2021.

	RM
Untung Kasar	18 300
Kadar Bayaran	1 200
Gaji	2 500
Angkutan Masuk	480
Komisen Diterima	870
Insurans	1 800

**Maklumat tambahan:**

Insurans dibayar pada 1 Januari 2021.  
Berapakah untung bersih?

- A RM13 190  
B RM13 790  
C RM14 270  
D RM14 870

- 16 Sewa tahunan ialah RM3 000. Pada akhir tempoh perakaunan, pemilik telah menjelaskan sewa sebanyak RM3 250.

Apakah catatan pelarasan bagi urus niaga tersebut?

A

Akaun Sewa		
	RM	RM
Sewa Belum Bayar	250	

Akaun Sewa Belum Bayar		
	RM	RM
Sewa		250

B

Akaun Sewa		
	RM	RM
Sewa Prabayar		250

Akaun Sewa Prabayar		
	RM	RM
Sewa	250	

C

Akaun Sewa		
	RM	RM
Sewa Belum Bayar	3 250	

Akaun Sewa Belum Bayar		
	RM	RM
Sewa		3 250

D

Akaun Sewa		
	RM	RM
Sewa Prabayar		3 250

Akaun Sewa Prabayar		
	RM	RM
Sewa	3 250	

- 17 Berikut adalah pernyataan tentang kesilapan tak ketara.

Pemilik menjelaskan insurans peribadi sebanyak RM700 tetapi didebitkan ke Akaun Insurans.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan saling mengimbangi
- B Kesilapan songsang
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan prinsip

- 18 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syarikat Jentayu.

	RM
Aset Bukan Semasa	60 000
Aset Semasa	24 000
Modal Kerja	6 380

Berapakah nisbah semasa Syarikat Jentayu?

- A 0.66 : 1
- B 1.36 : 1
- C 3.76 : 1
- D 5.64 : 1

- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Bina Jaya.

	RM
Inventori Awal	22 520
Inventori Purata	23 870
Kos Barang Untuk Dijual	107 206

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 3.43 kali
- B 3.55 kali
- C 4.49 kali
- D 4.76 kali

20 Berikut adalah maklumat daripada Firma Galaxy Bio

	RM
Jualan Tunai	15 200
Jualan Kredit	25 400
Belian Tunai	12 800
Belian Kredit	19 300
Akaun Belum Terima	7 800
Akaun Belum Bayar	4 800

Berapakah tempoh kutipan hutang bagi Firma Galaxy Bio?

- A 91 hari
- B 113 hari
- C 137 hari
- D 188 hari

21 Antara berikut manakah sebab rekod perniagaan tidak lengkap?

- I Rekod perakaunan musnah atau hilang
- II Merekod urus niaga mengikut sistem catatan bergu
- III Semua urus niaga dicatatkan dalam buku catatan pertama
- IV Dokumen sumber urus niaga di simpan di merata-rata tempat

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

22 Data berikut diambil daripada perniagaan Kedai Sentosa.

	RM
Modal Awal	5 000
Modal Tambahan	1 800
Untung Bersih	3 880
Ambilan	890

Berapakah modal akhir Kedai Sentosa?

- A RM3 810
- B RM7 970
- C RM9 790
- D RM11 570

- 23 Apakah kepentingan belanjawan tunai kepada perniagaan?
- A Mengetahui baki akhir Akaun Bank
  - B Mengenal pasti kecairan tunai perniagaan
  - C Menunjukkan keadaan sebenar kewangan perniagaan
  - D Mengurangkan risiko penyelewengan dan kecurian tunai
- 24 Puan Siti memulakan Perniagaan Siti pada bulan Mei 2020. Berikut ialah petikan anggaran belanjawan bagi 3 bulan berakhir 31 Julai 2020.
- i. Puan Siti membawa masuk cek RM10 000 ke dalam perniagaannya.
  - ii. Jualan tunai bulan Mei berjumlah RM5 000 dan akan bertambah sebanyak 20% setiap bulan daripada bulan sebelumnya.
  - iii. Pinjaman bank berjumlah RM20 000 diterima pada bulan Julai.

Berapakan jumlah penerimaan Perniagaan Siti bagi bulan Mei, Jun dan Julai 2020?

	Mei (RM)	Jun (RM)	Julai (RM)
A	15 000	6 000	27 000
B	15 000	6 000	27 200
C	15 000	1 000	27 000
D	15 000	1 000	27 200

- 25 Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?
- A Perjanjian Perkongsian
  - B Akta Perkongsian 1961
  - C Akta Syarikat 2016
  - D Ikatan Perkongsian
- 26 Antara berikut, butiran manakah yang direkod di bahagian kredit Akaun Semasa pekongsi?
- I Faedah Atas Pinjaman
  - II Faedah Atas Ambilan
  - III Faedah Atas Modal
  - IV Ambilan
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

- 27 Maklumat berikut diperoleh daripada perkongsian Sani dan Salleh pada 31 Disember 2020 yang berkongsi untung rugi sama rata.

	RM
Faedah Atas Ambilan	100
Gaji Salleh	3 000
Untung Bersih	9 200
<b>Maklumat tambahan:</b>	
Gaji yang telah dibayar kepada Salleh sebanyak RM1 200	

- Berapakah kongsi untung setiap pekongsi?
- A RM2 450  
B RM3 150  
C RM3 650  
D RM4 050
- 28 Apakah kesan terhadap perniagaan jika salah seorang rakan kongsi meninggal dunia?
- A Perlu dibubarkan  
B Boleh diambil alih oleh waris si mati  
C Boleh diteruskan oleh rakan kongsi sedia ada  
D Perlu menukar milikan perniagaan kepada milikan tunggal
- 29 Akaun Realisasi di bawah ini dipetik daripada buku sebuah perniagaan perkongsian.

Akaun Realisasi	
	RM
Bank	5 000

- Urus niaga manakah yang merujuk kepada catatan di atas?
- A Pembayaran belanja realisasi  
B Pembayaran kepada pembekal  
C Penerimaan cek daripada penjualan perabot  
D Penerimaan diskaun kerana menjelaskan hutang
- 30 Apakah nama dokumen yang mengikat syarikat, pengarah dan pemegang syer?
- A Tatacara Syarikat  
B Perjanjian Syarikat  
C Prospektus Syarikat  
D Perlembagaan Syarikat

31 Pasangan manakah benar?

	<b>Syer Keutamaan</b>	<b>Syer Biasa</b>
I	Pemegang syer menerima dividen tidak tetap	Pemegang syer menerima dividen tetap
II	Pemegang syer menerima dividen sebelum pemegang Syer Biasa	Pemegang syer menerima dividen selepas pemegang Syer Keutamaan
III	Pemegang syer menuntut hak sebelum pemegang Syer Biasa semasa muflis	Pemegang syer menuntut hak selepas pemegang Syer Keutamaan semasa syarikat muflis
IV	Pemegang syer berhak mengundi	Pemegang syer tidak berhak mengundi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Pada 15 Januari 2020, Syarikat ABC Berhad telah menerbitkan 4 000 000 unit 6% syer keutamaan bernilai RM2.00 sesyer. Semua syer dipohon beli dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan iaitu 31 Januari 2020.

Pada 31 Julai 2020, lembaga pengarah memutuskan untuk membayar dividen interim kepada pemegang syer keutamaan bagi tempoh enam bulan pertama.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, Syarikat ABC Berhad berjaya memperoleh keuntungan RM600 000. Lembaga pengarah mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan.

Berapakah dividen akhir syer keutamaan?

- A RM200 000
- B RM240 000
- C RM480 000
- D RM600 000

- 33 Kelab Futsal Kampung Beseri mempunyai 200 orang ahli. Pada 1 Januari 2020, baki-baki berikut telah diperoleh daripada buku kelab.

	RM
Yuran Belum Terima	920
Yuran Belum Terperoleh	450

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, kelab ini menerima yuran sebanyak RM7 560. Jumlah ini termasuk RM350 yang diterima bagi tahun hadapan.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2020?

- A RM6 740
  - B RM7 640
  - C RM7 940
  - D RM8 380
- 34 Berikut adalah pernyataan tentang perbelanjaan hasil bagi sesebuah kelab dan persatuan.

Suatu perbelanjaan yang dibayar setiap bulan bagi meneruskan aktiviti kelab.

Apakah perbelanjaan tersebut?

- A Kadar bayaran
- B Honorarium
- C Yuran ahli
- D Royalti



- 35 Baki daripada buku-buku Kelab Futsal Kampung Simpang Geti, Mata Ayer adalah seperti berikut:

	31 Disember 2020
	RM
Yuran Belum Terima	170
Yuran Belum Terperoleh	200
Bangunan Kelab	40 000
Akaun Belum Terima	7 500
Akaun Belum Bayar	3 500
Surat Khabar Belum Bayar	100
Sewa Belum Terima	500

Berapakah nilai Dana Terkumpul Akhir Kelab ini?

- A RM44 000  
 B RM44 370  
 C RM44 500  
 D RM44 730
- 36 Apakah tujuan utama setiap kelab dan persatuan menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?
- A Mencari lebih atau kurangan  
 B Mencari semua jenis pendapatan  
 C Mencari semua jenis perbelanjaan  
 D Mencari untung bersih atau rugi bersih
- 37 Apakah rumus untuk mencari kos prima?
- A Kos Overhed + Kos Bahan Langsung + Belanja Langsung  
 B Kos Pengeluaran + Kos Buruh Langsung + Kos Bahan Langsung  
 C Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung  
 D Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung – Belanja Langsung

- 38 Maklumat di bawah dipetik daripada Kilang Burger Jejawi yang beroperasi di Jejawi, Perlis

	RM
Gaji Operator Pengeluaran	24 000
Bayaran Royalti	1 500
Belian Bahan Langsung	121 000
Sewa Kilang	10 000
Gaji Pengurus Kilang	8 000
Gaji Penyelia Kilang	5 000
Inventori Bahan Langsung pada 1 Januari 2020	25 100
Inventori Bahan Langsung pada 31 Disember 2020	21 000
Kadar Bayaran Kilang	11 200
Angkutan Masuk Bahan Langsung	9 500
Pulangan Belian Bahan Langsung	7 400

Berapakah kos pengeluaran Kilang Burger Jejawi?

- A RM186 900  
 B RM186 700  
 C RM186 300  
 D RM186 100
- 39 Antara berikut, manakah kegunaan titik pulang modal?
- I Membantu pihak pengurusan membuat pinjaman  
 II Membantu akauntan untuk meningkatkan kos pengeluaran  
 III Menentukan tahap jualan yang perlu dicapai untuk mengelakkan kerugian  
 IV Menunjukkan jumlah keuntungan atau kerugian pada setiap peringkat jualan
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 40 Perniagaan Keteri Indah adalah pengeluar minuman jus kacang soya bercadang untuk mengeluarkan 150 000 botol minuman pada bulan September 2021. Harga jualan satu botol jus berkenaan adalah RM12.00. Anggaran kos adalah seperti yang berikut:

	RM
Sewa Kilang	15 000
Insurans Kilang	8 000
Buruh Tak Langsung	14 000
Kadar Bayaran Kilang	10 000
Gaji Pengurus Kilang	8 000
Gaji Penyelia Kilang	5 000
Kacang Soya	3.00 satu botol
Gula	0.40 satu botol
Gula Merah	0.30 satu botol
Lain-lain Bahan	2.00 satu botol
Upah Langsung	1.30 satu botol

Berapakah titik pulang modal?

- A RM12 000
- B RM60 000
- C RM110 400
- D RM144 000